

Kelodak 9 meter ancam penduduk

Pejabat Daerah Jasin diarah tahan permit cuci pasir di Solok Ayer Keroh

Oleh Mohamad Yatim Latip

SELANDAR: Lapan keluarga yang tinggal berhampiran lombong tempat pembuangan kelodak pasir yang dicuci atau ditapis di Solok Ayer Keroh, Kampung Bukit Senggeh, di sini, khuatir keselamatan mereka yang berisiko menghadapi ancaman banjir lumpur.

Pengusaha projek pengambilan pasir di situ, dikesan tidak mempunyai sebarang usaha untuk mengawal keselamatan penduduk berhampiran.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati, kerja pencuci atau menapis pasir di kawasan lombong seluas lapan hektar itu menyebabkannya dipenuhi kelodak sedalam kira-kira sembilan meter.

Jarak lombong yang dipenuhi kelodak pasir yang bertukar menjadi selut itu sejauh kira-kira 80 meter dari kawasan penempatan penduduk di kampung terbabit.

Kadaan itu menyebabkan penduduk khuatir benteng setinggi 30 meter yang ditambah dengan tanah merah bersebelahan lombong, runtuh sekiranya kelodak pasir melimpah keluar terutama apabila hujan lebat.

Difahamkan, punca kelodak pasir menjadi bertambah banyak sehingga memenuhi lombong disebabkan kegagalan pengusaha mengendalikannya kerja pencucian pasir yang diambil setiap hari dengan sempurna, sejak lebih lima tahun operasi berkenaan dijalankan.

Penduduk, Jariah Budin, 59, berkata kebanyakan penduduk bimbang kerana hujan lebat boleh menyebabkan kelodak yang terkumpul dalam lombong melimpah dan membanjiri kawasan kediaman berhampiran.

"Kami juga dapati pengusaha projek berkenaan membina benteng atau ban bertujuan menahan kelodak pasir itu daripada melimpah ke kawasan kampung, tetapi ia tidak semestinya menjamin keselamatan kami," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Bukit Asahan, Datuk R Raghavan yang meninjau kawasan lombong terbabit berkata, keadaan itu ternyata amat bahaya kepada penduduk berdekatan dan tindakan segera perlu dilakukan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Sehubungan itu, beliau meminta


Pejabat Daerah Jasin menahan sementara waktu permit pengusaha terbabit bagi memastikan pengusaha projek mengambil tindakan sewajarnya untuk mengeluarkan kelodak di dalam lombong berkenaan.

"Pada masa sama, kita akan mengadakan perbincangan dengan pengusaha bagi mencari jalan mengatasi masalah ini.


"Apa yang penting, mereka mesti mengeluarkan kelodak pasir berkenaan dengan segera.

"Sekiranya, pengusaha gagal berbuat demikian, kita tiada pilihan selain menggantung permitnya dan saya juga akan mengesyorkan kepada kerajaan negeri supaya menutup operasinya kerana keselamatan penduduk kampung terbabit adalah lebih penting," katanya.

Turut sama, Penolong Pegawai Daerah Jasin, Mohd Yusof Abu Bakar; Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Jasin, Samsuri Sudin; Penghulu Kampung Bukit Senggeh, Shamsudin Mohd Bakhid serta Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Bukit Senggeh, Razali Kasim.



TURUN PADANG: Samsuri (dua dari kanan) meninjau lombong pembuangan kelodak pasir di Solok Ayer Keroh.



“Ramai penduduk bimbang kerana hujan lebat boleh menyebabkan kelodak yang terkumpul di dalam lombong melimpah dan membanjiri kawasan kediaman berhampiran”

Jariah Budin
Penduduk